

Newspaper	Berita Harian
Date	26 July 2015

KRISIS MIC

MIC sedia minta PM gugur jawatan Palanivel

BH-26/7/2015

» *Parti mahu tindakan diambil jika bekas presiden terus kelirukan ahli*

Putrajaya

MIC tidak akan teragak-agak meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menggugurkan jawatan Kabinet bekas Presidennya, Datuk Seri G Palanivel, jika terus bertindak mengelirukan anggota parti, kata Naib Presiden parti, Datuk M Saravanan.

Beliau berkata, walaupun Pendaftar Pertubuhan (ROS) mengesahkan Menteri Sumbar Asli dan Alam Sekitar itu bukan lagi anggota MIC, Palanivel terus-menerus membuat pengumuman mengenai pemilihan semula MIC hingga mengelirukan ahli.

Nyatakan pendirian
Saravanan berkata, MIC akan meminta pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) dan Yang Dipertua Dewan Rakyat menyatakan pendirian berhubung kedudukan Palanivel.

"Saya nak beritahu beliau (Palanivel), MIC buat masa ini tak kacau kedudukan beliau sebagai menteri kerana itu adalah bidang kuasa Perdana Menteri tetapi jangan paksa parti buat permintaan supaya beliau digugurkan.

"Selepas pemilihan parti, kita akan jumpa Perdana Menteri jika dia terus mengelirukan ahli MIC," katanya, di sini, semalam.

Pada 25 Jun lalu, Pemangku Presiden MIC, Datuk Seri Dr S Subramaniam, memaklumkan ROS mengesahkan Palanivel hilang keanggotaan MIC secara persendirian (ipso facto).

Proses pemilihan CWC
Saravanan berkata, Palanivel bagaimanapun terus membuat beberapa pengumuman mengenai pemilihan parti, sekali gus bercanggah dengan proses pemilihan Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) Sementara 2009 yang diberi mandat untuk melaksanakannya.

Palanivel sebelum ini mengumumkan pemilihan presiden parti akan diadakan pada September, manakala Dr Subramaniam berkata pemilihan akan diadakan pada Ogos.

Pemilihan peringkat cawangan MIC yang sedang dilaksanakan oleh CWC Sementara 2009 menyaksikan pertandingan di 3,195 cawangan parti itu yang dikatakan memihak kepada Dr Subramaniam.



“MIC buat masa ini tak kacau kedudukan beliau sebagai menteri kerana itu adalah bidang kuasa Perdana Menteri tetapi **jangan paksa parti buat permintaan supaya beliau digugurkan**”

M Saravanan,
Naib Presiden MIC